

Muhyiddin tidak layan desakan bebas individu tertentu

BH
- 5/8/2021
m/s: 2

PM dedah ada pihak tak senang ketegasan enggan campuri urusan mahkamah punca kemelut politik

Oleh Luqman Arif Abdul Karim, Ahmad Suhael Adnan dan Saiful Haizan Hasam
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mendedahkan ada pihak yang kurang senang dengan ketegasannya tidak melayan beberapa tuntutan, termasuk mendesak mencampuri urusan mahkamah bagi membebaskan individu tertentu yang sedang didakwa atas kesalahan jenayah.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya pihak yang mence-

tus kemelut politik ketika ini adalah mereka yang tidak senang dengannya kerana beliau enggan mencampuri urusan mahkamah.

Sehubungan itu, katanya, pihak terbabit cuba menanggung di air yang keruh walaupun negara ketika ini sedang berdepan krisis pandemik COVID-19.

“Saya tahu bahawa mereka kurang senang dengan ketegasan saya untuk tidak melayan beberapa tuntutan mereka.

“Ini termasuk desakan supaya saya mencampuri urusan mahkamah untuk membebaskan beberapa individu yang sedang didakwa atas kesalahan jenayah,” katanya dalam Perutusan Khas Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan.

Muhyiddin terdahulu menghadapi Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara, pada jam 11 pagi semalam.

Kelmarin, UMNO dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi

(MKT) memutuskan untuk menarik sokongan kepada Muhyiddin sebagai Perdana Menteri serta Perikatan Nasional (PN), sekali gus mencetus persoalan sama ada kerajaan sedia ada masih kekal memerintah.

Namun, dalam perutusan khas itu, Muhyiddin menegaskan beliau menerima sejumlah surat akuan daripada ahli Dewan Rakyat yang meyakinkannya bahawa beliau masih memiliki kepercayaan majoriti Dewan.

Perdana Menteri turut memaklumkan, pihak sama juga cuba mengeruhkan hubungan kerajaan dengan istana apabila menuduhnya menderhaka kepada Raja.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata beliau tidak akan mengorbankan prinsip dan membela-kangi sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri walaupun diasak dengan pelbagai tuntutan dan tuduhan.

Sebagai Perdana Menteri, beliau menegaskan akan menjalankan tugas dan segala kewajipan dengan jujur dan amanah, termasuk menumpahkan kesetiaan



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menerima menghadap Muhyiddin di Istana Negara, semalam.

kepada raja dan negara.

“Saya dituduh menderhaka kepada raja, sedangkan apa yang saya lakukan adalah semata-mata untuk memelihara keluhuran Perlembagaan dan mempertahankan kemuliaan institusi Raja Berperlembagaan.

“Saya tidak akan mengorbankan prinsip saya dan membela-kangi sumpah jawatan saya untuk menunaikan segala kewajipan dengan jujur, menumpahkan taat setia kepada raja dan negara, serta memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan,” katanya.

Muhyiddin turut memohon maaf kepada rakyat Malaysia kerana terpaksa tampil menjelaskan kedudukan kerajaan PN dan

keabsahannya sebagai Perdana Menteri, ketika negara sedang bergelut cabaran besar menanganikan COVID-19.

Beliau berkata, Jemaah Menteri dan jentera pentadbiran kerajaan akan terus berfungsi untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada rakyat dan negara, khususnya dalam menangani pandemik.

Meskipun terpaksa berdepan kemelut politik, Muhyiddin juga memberi jaminan akan memastikan program vaksinasi ketika ini tidak terjejas dan dilaksanakan mengikut jadual.

Selain itu, kerajaan juga akan memastikan semua bantuan diumumkan diterima oleh rakyat tanpa halangan.